

Contoh Panduan Guru bagi Bahan Klip Video Darjah 1A Klip Video 5

Pakej MEKAR	1A
Unit 4	Rumah Kita
Tajuk Klip Video	Cantiknya Ruang Tamu!
Fokus Interaksi Lisan	Perbincangan
Aspek Bahasa	Kata Adjektif Warna/Kata Nama- benda-benda di rumah
Objektif	Murid dapat mengikuti perbincangan dan memberikan pandangan mengenai ruang tamu dengan bimbingan.

STRATEGI PEMBELAJARAN	BAHAN/CATATAN
<p>Aktiviti</p> <p>Murid:</p> <ol style="list-style-type: none"> menonton klip video 'Cantiknya Ruang Tamu!' memberi pandangan berdasarkan soalan-soalan guru menonton klip video sekali lagi secara berkumpulan berbincang mengenai perabot/barang perhiasan pilihan mereka menggunakan Kad Panduan Perbincangan semasa perbincangan melengkapkan borang penilaian. <p>Saranan Aktiviti Lanjutan</p> <ol style="list-style-type: none"> Guru boleh menyediakan gambar-gambar peralatan di rumah. Murid memilih peralatan yang sesuai sahaja. Murid digalakkan untuk memberi pendapat sama ada setuju dengan pilihan rakan kumpulan mereka. Murid digalakkan untuk mendengar dahulu sebelum tidak bersetuju Murid digalakkan bekerjasama dalam perbincangan. 	<p>Catatan</p> <ul style="list-style-type: none"> 'Kad Panduan Perbincangan' (KPP) diletakkan di atas meja Murid boleh membuka KPP untuk membantu perbincangan mereka <p><u>Soalan Saranan</u></p> <ol style="list-style-type: none"> Video ini mengenai apa? Mengapa mereka tidak setuju dengan warna hitam? Adakah kamu juga tidak setuju? Mengapa mereka hendak menggunakan kedua-dua jenis pewarna, iaitu krayon dan pensel warna? Adakah mereka bekerjasama? Mengapa semasa berbincang kita tidak boleh bercakap pada masa yang sama? <p>Bahan</p> <ul style="list-style-type: none"> Kad Panduan Perbincangan Lampiran – Aktiviti Perbincangan Senarai Semak (Guru dan Murid)

**Contoh Kad Panduan Perbincangan
'Memilih Perabot/Barang Perhiasan'**

Saya memilih _____.

Mengapa awak memilih _____?

Saya memilih _____ kerana _____.

Mengapakah awak bersetuju?

Saya setuju kerana _____.


**Mengapakah awak tidak bersetuju
dengan pilihan _____ (nama rakan)?**

Contoh Aktiviti Perbincangan 'Perabot/Barang Perhiasan'

Nama: _____

Kelas: _____ Tarikh: _____

Berikan 5 jenis perabot/barang hiasan yang boleh diletakkan di ruang tamu. Mengapakah kamu memilih perabot/barang hiasan itu? Bincangkanlah dengan rakan kumpulan kamu. Kemudian, lukiskan gambar perabot/barang hiasan tersebut.



Aktiviti Perbincangan 'Perabot/Perhiasan di Ruang Tamu'

Senarai Semak: Penilaian Guru

Nama: _____

Kelas: _____ Tarikh: _____

Senarai Semak Interaksi Lisan – Perbincangan (Individu)

Tandakan (✓) dalam kurungan.

Semasa berbincang, murid dapat:

1. menamakan 5 jenis peralatan yang terdapat di ruang tamu. ()
2. menggunakan kosa kata yang sesuai. ()
3. menyatakan pilihan mereka. ()
4. menyatakan sebab-sebab mereka tidak bersetuju. ()
5. menggunakan sebutan baku. ()

Maklum balas guru:

Nota:

Penilaian secara individu tidak perlu dijalankan bagi setiap murid. Guru boleh mengenal pasti kumpulan murid yang akan dinilai bagi pelajaran-pelajaran tertentu



Aktiviti Perbincangan 'Perabot/Perhiasan di Ruang Tamu'

Senarai Semak: Penilaian Kendiri (Murid)

Nama: _____

Kelas: _____ Tarikh: _____

Tandakan (✓) dalam ruang yang sesuai.

Semasa berbincang, saya dapat ...		Ya 	Tidak 
1	menamakan perabot/perhiasan yang terdapat di ruang tamu.		
2	menggunakan kosa kata yang sesuai.		
3	menyatakan pilihan perabot/perhiasan saya.		
4	menyatakan tidak setuju dengan sopan.		
5	bercakap mengikut giliran.		